

# Masum jaga kebajikan atlit taekwondo

## Hantar ke Kejohanan Antara Universiti Asean, dunia kerana kebetulan atlit penuntut IPTA

Oleh Meor Hisham Zulkifli  
[sham@bharian.com.my](mailto:sham@bharian.com.my)

**S**EDAR atau tidak, tugas melindungi kepentingan atlit taekwondo negara kini banyak dipikul Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum), lebih-lebih lagi enam daripada 10 atlit yang terpilih ke Sukan Sea Laos, adalah penuntut di institusi pengajian tinggi.

Kesemua ini kerana Masum yang menjadi cabang bahagian sukan Kementerian



Pengajian Tinggi (KPT) kekal dengan objektifnya untuk membangunkan sukan negara dengan ditunjangi pegawai kerajaan, bukannya golongan oportunist.

Nur Ekmal Buhary (**gambar**) yang mewakili Masum dalam sukan taekwondo dan pernah suatu ketika dilantik sebagai Naib Presiden Persatuan Taekwondo Malaysia (MTA) - badan induk yang kini dibekukan oleh Pesuruhjaya Sukan - berkata, tumpuannya adalah menjaga

hal ehwal atlitnya.

"Kami hanya menjaga kebajikan atlit Masum dan menerusi KPT, kami memantau aspek hal ehwal mereka seperti pelajaran dan sebagainya. Selain itu, kami bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara (MSN) untuk membantu atlit ini," katanya.

Mengulas mengenai tanggapan semasa bahawa Masum bertindak seolah-olah memangku tugas badan induk taekwondo menguruskan atlit sukan itu, Ekmal segera tam-

pil memberikan penjelasan.

"Krisis dalaman MTA serta apa yang kita anggap perebutan kuasa dan kewujudan banyak persatuan serpihan, menyaksikan atlit taekwondo tidak dapat mengambil bahagian dalam pelbagai kejohanan.

"Masum pula secara kebetulan menganjurkan kejohanan Sukan Antara Universiti Asean Disember lalu, selain usaha untuk menghantar atlit pada Sukan Antara Universiti Dunia pertengahan tahun ini.

"Ditambah dengan ramai atlit yang juga pelajar universiti, keadaan itu memperlihatkan seolah-olah kami melakukan tugas MTA. Keadaan ini cuma kebetulan kerana pada kami, kami tetap bekerja untuk kebajikan atlit dan sukan," katanya.

Isu dalaman badan induk taekwondo mula menjadi parah pada 2005 hingga menyaksikan perdebatan di mahkamah selain mengakibatkan tidak banyak atlit dilahirkan sedangkan popula-